

Teks Ucapan
YBRS. DR. HAJI ZAINAL AALAM BIN HASSAN
Pengarah
Institut Aminuddin Baki
Sempena
Lawatan Kerja
Ke IAB Cawangan Genting Highlands
24 Mei 2016

Bismillahirrahmanirahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih puan pengerusi majlis.

Yang Berusaha Tn. Hj. Abd Razak bin Manaf
Pengarah Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highlands.

Yang Berusaha Dr. Faridah binti Yakob,
Timbalan Pengarah IAB Cawangan Genting Highlands.

Pendaftar IAB Cawangan Genting Highlands,
Ketua-ketua Jabatan,
Pensyarah-pensyarah Cemerlang,
Pegawai Cemerlang,
Pensyarah-pensyarah Kanan,
Semua staf pelaksana,

Tuan-tuan dan puan-puan warga IAB Cawangan Genting Highlands yang dihormati sekalian.

1. Marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Swt. kerana izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi ini di dewan yang mulia ini.
2. Terima kasih diucapkan atas sambutan yang diberikan oleh tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Semoga pertemuan kita ini akan menjadi pemangkin kepada peningkatan komitmen kita dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab khususnya sebagai penjawat awam.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

3. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) 2016 - 2020, di bawah tajuk Transformasi Perkhidmatan Awam (Bab 9), kerajaan berhasrat untuk menumpukan kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam yang dilaksanakan dengan cekap dan cepat menggunakan pendekatan inovatif dan kreatif. Selain itu, tumpuan juga diberikan terhadap peningkatan integriti setiap penjawat awam.
4. Antara gagasan kerajaan ialah meningkatkan kualiti perkhidmatan awam dengan menambah baik proses penyampaian, memanfaatkan data, memperluas jangkauan perkhidmatan di samping meningkatkan akauntabiliti dan kredibiliti penjawat awam. Kerajaan akan lebih

berpaksian rakyat serta menumpukan kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam.

5. Kerajaan telah menetapkan lima bidang yang perlu diberi fokus iaitu: (1) mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dengan mengutamakan rakyat; (2) merasionalisasikan institusi sektor awam untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi; (3) memperkukuh pengurusan bakat untuk perkhidmatan awam masa hadapan; (4) mempertingkatkan pengurusan projek untuk mencapai *outcome* yang lebih baik dan cepat; dan (5) memanfaatkan pihak berkuasa tempatan bagi menyediakan perkhidmatan berkualiti pada peringkat tempatan.

6. Dalam konteks IAB, kita mesti memberikan sepenuh komitmen dalam menjadikan tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan menjurus ke arah peningkatan kualiti kepimpinan dan pengurusan pemimpin pendidikan tidak kira di mana jua mereka berada sama ada di sekolah atau pun di Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri atau Bahagian-bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia. Kita bertanggungjawab dalam menyediakan program latihan terbaik bagi melahirkan pemimpin pendidikan yang diperlukan dalam abad ke-21. Kita bertanggungjawab dalam membina kapasiti dan kompetensi pemimpin pendidikan yang sedia untuk menggalas tanggungjawab yang dihasratkan.

7. Hal ini amat bertepatan dengan Anjakan Kelima Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2012-2025 iaitu **memastikan pemimpin berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah**. IAB bertanggungjawab dalam melahirkan bukan hanya pemimpin sekolah yang

berprestasi tinggi, malahan juga para pemimpin di setiap peringkat di KPM. Oleh yang demikian, kita hendaklah memastikan semua program latihan dan bimbingan yang dilaksanakan hendaklah bersifat terkini dan bersesuaian dengan hasrat dan cita-cita negara.

8. Selain itu, Anjakan Kelapan iaitu **mentransformasi kebolehpayaan dan kapasiti penyampaian kementerian** serta Anjakan Kesebelas iaitu **meningkatkan ketelusan untuk akauntabiliti awam secara langsung** adalah sejajar dengan Bab 9 iaitu Transformasi Perkhidmatan Awam di bawah RMKe-11, yang mahukan setiap penjawat awam termasuk kita yang berada di IAB untuk melakukan yang terbaik, bertanggungjawab dan telus bagi memastikan pelanggan-pelanggan kita mendapat faedah yang maksimum seterusnya memberikan impak positif terhadap negara.

9. Menyentuh tentang kualiti perkhidmatan awam, kita hendaklah memberikan seratus peratus komitmen terhadap tugas dan tanggungjawab kita. Kita tidak boleh berkompromi dengan perkara-perkara yang boleh mendatangkan kerugian kepada semua pihak. Setiap saat yang kita lalui pada waktu bekerja dibayar dengan gaji mengikut kelayakan kita. Oleh itu, kita mesti menunaikan amanah kita sebaik-baiknya kerana bukan hanya kita akan dipersoalkan di akhirat kelak, malahan kita bertanggungjawab memberikan perkhidmatan yang terbaik demi kepentingan semua pihak.

10. Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara pernah menyatakan hasratnya tentang **Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA)** yang antara kata-kata beliau ialah, “**saya mahukan perkhidmatan cemerlang daripada anda semua; sama yang anda**

harapkan sebagai seorang rakyat Malaysia.” Ini bermaksud, kita mesti memberikan perkhidmatan yang sebaik-baiknya sebagaimana yang kita harapkan apabila berurusan dengan pihak-pihak lain. Jika kita mengharapkan untuk mendapatkan perkhidmatan terbaik daripada pihak lain, kita sendiri terlebih dahulu mesti memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang lain. Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA) ialah memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan menepati keperluan, kehendak dan aspirasi rakyat. Kita tidak boleh meletakkan sebarang had atau sempadan ruang pemikiran untuk menilai sebarang permasalahan atau cetusan idea agar dapat meningkatkan mutu perkhidmatan kita.

11. Ada enam (6) prinsip Merakyatkan Perkhidmatan Awam yang mesti kita hayati dan amalkan, yang pertama; (1) keterbukaan iaitu mempunyai minda terbuka dan mudah didekati oleh orang lain. Kedua (2) ialah ‘turun padang’ iaitu sentiasa peka terhadap semua pandangan pihak yang menerima perkhidmatan kita. Ketiga (3) ialah berpegang kepada salah satu prinsip *Blue Ocean Strategy* iaitu Proses Saksama yang menitikberatkan aspek **penglibatan, penerangan dan penjelasan**. Keempat (4) ialah musyawarah iaitu mengambil kira pandangan, maklum balas dan penglibatan pelanggan dalam mencorakkan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Kelima (5) iaitu meraikan perbezaan dan mengukuhkan persamaan sesama kita dan yang keenam (6) ialah kolaboratif di antara awam-swasta-NGO iaitu meningkatkan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak demi menjayakan program yang boleh menyejahterakan rakyat.

12. Gagasan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi serta mengutamakan kesejahteraan rakyat hanya boleh dicapai jika kita melaksanakan tugas sebagaimana yang diamanahkan kepada kita dengan sebaik-baiknya. Oleh yang demikian, setiap warga IAB tidak mengira jawatan atau kedudukan mempunyai peranan yang penting dalam menentukan misi, visi dan objektif IAB akan tercapai. IAB sebagai sebuah *premier centre* mesti memberi keutamaan dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti serta memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan. Kita mesti mengubah stigma pemikiran kita yang bekerja berdasarkan rutin biasa sebaliknya mesti meletakkan *outcome* sebagai landasan kita.

13. Bagi mencapai hasrat ini, kita mesti keluar daripada berfikir cara biasa sebaliknya kita mesti melihat pemikiran di luar kotak sebagai satu alternatif. Menurut **Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)**, kita mesti meletakkan lima (5) elemen sebagai asas utama, yang pertama (1) **kos rendah** iaitu apa yang kita laksanakan hendaklah tidak melibatkan belanja yang tinggi terutama kepada pihak organisasi; kedua (2) apa yang kita laksanakan mesti memberikan **impak tinggi** kepada rakyat yang merupakan pelanggan kita; ketiga (3) ialah **pelaksanaan pantas** iaitu hasil mesti dapat dilihat dalam tempoh tiga hingga enam bulan selepas mula dilaksanakan. Elemen keempat (4) ialah **mampan** iaitu boleh bertahan lama dan boleh diamalkan di tempat lain. Elemen yang kelima (5) pula ialah **kolaboratif** iaitu tidak melaksanakannya secara bersendirian di dalam *silo* atau kepompong sendiri sebaliknya bekerjasama dengan rakan sinergi lain demi mendapat hasil yang optimum.

14. Bagi merealisasikan perkara ini, kita mesti mengenal pasti elemen-elemen yang perlu **disingkirkan**, **dikurangkan**, **ditingkatkan** dan **dihasilkan** berdasarkan kepada empat (4) kerangka tindakan di dalam NBOS. Perkara-perkara ini dilakukan dengan mengenal pasti terlebih dahulu apakah ***pain poin* (titik sakit)** yang dilalui oleh seseorang pelanggan di dalam ***Buyer Experience Cycle* (Kitaran Pengalaman Pembeli)** pelanggan tersebut. Seterusnya dihasilkan satu **kanvas strategi** yang menunjukkan status semasa (***as is***) organisasi dan hasrat atau harapan organisasi pada masa hadapan (***to be***).

15. Tidak dapat dinafikan bahawa dalam usaha kita untuk meningkatkan produktiviti, kita menghadapi berbagai-bagai halangan dan kekangan sama ada dari dalam atau luar organisasi kita. Menurut kaedah NBOS, **empat (4) halangan organisasi** yang dihadapi jika ingin berubah ialah (1) **halangan kognitif** iaitu semua ahli selesa dengan *status quo* sekarang dan tidak nampak mengapa perubahan mesti dilakukan. Kedua (2) ialah **halangan sumber** iaitu kekangan dari segi kepakaran dan peralatan yang diperlukan dalam usaha untuk melakukan perubahan. Ketiga (3) ialah **halangan motivasi** iaitu tiada keyakinan diri dan bermotivasi rendah dan keempat (4) ialah **halangan politik** iaitu pihak yang mempunyai kepentingan peribadi.

16. Bagi mengatasi halangan ini, pemimpin organisasi mestilah mengamalkan **proses saksama** yang berprinsipkan **Tiga P** iaitu **Penglibatan, Penerangan** dan **Penjelasan**. Apabila semua pihak telah memahami peranan masing-masing, masalah **halangan organisasi** akan dapat diatasi. Selain itu, pemimpin perlu menggunakan kaedah ***tipping***

point leadership iaitu mengerakkan setiap unit dalam organisasi jika ingin melakukan transformasi. Dengan cara ini, tiada pihak yang tertinggal dan kejayaan akan dapat dicapai sebagaimana yang diharapkan.

17. Dalam konteks Anjakan Kelima, PPPM iaitu **memastikan pemimpin berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah**, kita perlu menyedari bahawa kita bertanggungjawab dalam melahirkan pemimpin sekolah yang kompeten sejajar dengan *trend* pembelajaran abad ke-21. Terdapat standard tertentu sebagaimana yang digariskan oleh ISTE mengenai ciri-ciri pemimpin pendidikan abad ke-21.

18. Standard pemimpin sekolah abad ke-21, yang pertama (1) ialah mereka mesti mempunyai visi dan misi yang jelas (**visionary leadership**) serta dapat dikongsikan visi dan misi mereka dengan seluruh warga sekolah yang mereka pimpin. Kedua (2), pemimpin pendidikan abad ke-21 hendaklah sentiasa menyokong guru-guru dan murid-murid dalam perkara yang berkaitan dengan pembelajaran digital (**digital age learning**) iaitu penggunaan alat teknologi terkini dalam pengajaran dan pembelajaran.

19. Ketiga (3) pula ialah aspek amalan profesional (**professional practice**) iaitu mewujudkan suasana kondusif yang menggalakkan proses pembelajaran dalam kalangan murid di sekolah. Keempat (4) ialah aspek peningkatan sistematik (**systematic improvement**) iaitu pemimpin sekolah sedaya upaya cuba untuk menyediakan prasarana yang diperlukan oleh seluruh warga sekolah terutama bagi perkara-perkara yang ada kaitan dengan aspek pengajaran dan pembelajaran. Perkara kelima (5) ialah pemimpin sekolah mesti melengkapkan diri dengan aspek-aspek warga

digital (***digital citizenship***) yang berkaitan dengan undang-undang, etika dan sebagainya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

20. Segala yang dihasratkan tidak akan tercapai sekiranya tiada komitmen yang jitu daripada semua pihak. Selain itu, kerjasama erat antara setiap unit di IAB adalah penting bagi memastikan kelancaran dan keselarasan sesuatu program atau aktiviti yang dijalankan. Oleh yang demikian, saya menyeru agar seluruh warga IAB melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan bersungguh-sungguh. Ingat, setiap sen yang dibayar sebagai gaji kepada kita perlu diterjemahkan melalui komitmen kita ketika menjalankan tugas.

21. “Setiap orang adalah pemimpin dan akan ditanya tentang kepemimpinan kita”, Kita bertanggungjawab terhadap apa sahaja yang kita lakukan. Saya ingin mengingatkan diri saya dan juga tuan-tuan sekalian supaya mengurus masa dengan baik. Manfaatkan masa bertugas rasmi kita untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan tugas hakiki kita. Jangan bazirkan masa dengan perkara-perkara yang di luar tugas rasmi kita atau hal-hal peribadi. Oleh itu, saya menyeru tuan-tuan dan puan-puan sekalian agar menghargai masa dan menghargai pekerjaan kita.

22. Jangan sesekali kita dilekakan dengan melayari laman sosial di komputer atau telefon pintar pada waktu bekerja kerana dikhuatiri tindakan ini akan menyebabkan sistem penyampaian kerajaan akan tergendala, menjadi lambat atau tidak efisien. Kita juga khuatir, kelekaan melayan

laman sosial menyebabkan kita hilang fokus dan tidak dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik. Bukan itu sahaja, menghabiskan masa berbual berlebih-lebihan mengenai perkara-perkara yang tiada kaitan dengan tugas pada waktu bekerja juga boleh menjejaskan produktiviti.

23. Usah campur adukkan urusan peribadi dengan urusan pekerjaan kita. Fokus hendaklah diberikan kepada apa yang menjadi amanah dan tanggungjawab kita. Dalam perkara ibadah juga, kita mesti berhemah. Perlu diingat iaitu apabila bertembung antara perkara sunat dan wajib, kita mesti mengutamakan yang wajib termasuk dalam perkara ibadah.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

24. Bagi pensyarah dan pegawai latihan, saya menyeru agar tuan-tuan dan puan-puan melengkapkan diri dengan pengetahuan yang secukupnya terutama terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan pengajaran kita. Peserta yang merupakan pelanggan kita boleh menilai siapa kita. Mereka boleh mengetahui sama ada kita bersedia atau tidak, menguasai atau tidak sesuatu topik yang diajar.

25. Bagi staf sokongan, saya yakin yang tuan-tuan dan puan-puan sentiasa bersedia untuk memberikan seratus peratus komitmen dalam menjayakan semua aktiviti dan program IAB. Tanpa penglibatan tuan-tuan dan puan-puan, saya percaya semua yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan dan tidak mencapai objektif yang diharapkan. Tuan-tuan dan puan-puan adalah elemen penting kepada pembangunan dan kejayaan IAB. Oleh itu, peranan dan fungsi tuan-tuan

dan puan-puan sekalian amat penting bagi sebuah organisasi seperti IAB. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih atas segala sumbangan tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Saya yakin yang tuan-tuan dan puan-puan, selaku staf pelaksana akan terus memberikan komitmen yang jitu dalam menjayakan program dan aktiviti IAB.

26. Ibarat lagu dan irama; jika dipisahkan maka rosaklah lagu dan pincanglah irama. Begitu juga dengan staf pelaksana dan para pensyarah yang saling perlu memerlukan antara satu sama lain. Oleh yang demikian, para pensyarah dan staf pelaksana perlu tahu akan peranan, fungsi dan tanggungjawab masing-masing agar IAB terus gah sebagai sebuah institusi latihan pemimpin pendidikan yang terbilang di negara ini dan di peringkat antarabangsa.

27. Sebelum saya menamatkan ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada warga IAB Cawangan Genting Highlands kerana sudi menerima kehadiran saya. Saya menaruh keyakinan dan menyedari bahawa banyak potensi yang boleh kita kembangkan dari semasa ke semasa demi kebaikan organisasi dan warga pendidikan seluruhnya. Saya juga dapat melihat yang IAB Cawangan Genting Highlands mempunyai banyak kekuatan yang boleh dimanfaatkan demi kecemerlangan kepimpinan pendidikan di Malaysia.

28. Benar seperti kata pepatah, bulat air kerana pembentung, bulat kata kerana muafakat. Yang berat akan menjadi ringan jika dilakukan secara kolektif. Oleh yang demikian, saya menyeru agar warga IAB Cawangan

Genting Highlands supaya sentiasa mengutamakan kerja sepasukan dalam melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab demi kebaikan peserta dan kegemilangan organisasi.

29. Akhir kata, saya mengucapkan selamat hari guru serta selamat maju jaya kepada seluruh warga IAB Cawangan Genting Highlands dan semoga IAB cawangan ini akan terus cemerlang sebagai sebuah institusi kepimpinan pendidikan yang unggul.

Sekian. Wabillahi taufik wal hidayah, wassalamu'alaikum wbth.

Terima kasih.